

28 MAY 2000

Mahathir-Akaun/I

KERAJAAN NEGERI DINASIHAT SUPAYA LATIH SEMULA PEGAWAI KEWANGAN

PUTRAJAYA, 28 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan negeri hendaklah memastikan pegawai-pegawai kewangan dan staf mereka dilatih semula dari semasa ke semasa bagi memastikan mereka mahir dalam kaedah simpan kira untuk membolehkan mereka mengemaskini akaun-akaun negeri.

Perdana Menteri berkata adakalanya akaun-akaun negeri tidak dikemaskini kerana mereka yang bertanggungjawab tidak mahir dalam kaedah simpan kira.

Walaupun kerajaan persekutuan telah memberikan peringatan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang mempunyai akaun yang teruk, masalah itu masih berlaku, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak perempuan seorang daripada kakitangannya di kuarters pusat pentadbiran kerajaan persekutuan di sini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas laporan media hari ini bahawa Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah melancarkan siasatan terhadap wang yang hilang berjumlah berjuta-juta ringgit dalam akaun beberapa jabatan dan agensi kerajaan negeri.

"Kita selalu mengambil perhatian gesaan ketua audit negara (supaya diperbaiki simpan kira) tetapi kadangkala akaun negeri-negeri teruk," katanya.

"Untuk membendung masalah ini, pegawai-pegawai kewangan dilatih semula dan kita kini telah mengembalikan jawatan kerani kewangan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata beliau telah membangkitkan masalah itu pada perjumpaannya dengan menteri besar dan ketua menteri.

Ditanya mengenai laporan wang yang hilang, beliau berkata satu kajian yang sewajarnya perlu diadakan sebelum membuat sebarang kesimpulan.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) BPR Datuk Ahmad Said Hamdan berkata di Melaka semalam bahawa agensi itu memulakan siasatannya terhadap dakwaan kehilangan wang dalam akaun-akaun negeri sebaik ia dibangkitkan oleh ketua audit negara dalam laporan tahunannya yang terbaru.

Pada majlis persandingan itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali menepung tawar kedua-dua mempelai Eini Azlin Azlinda Amran dan Mohamed Fariz Zainuddin sebelum makan bersama pengantin.

Eini, 20, ialah anak perempuan Amran Mohamed, seorang kakitangan di Unit Protokol Jabatan Perdana Menteri sementara Mohamed Fariz, 28 bekerja dengan Pos Malaysia.

Majlis perkahwinan mereka merupakan yang pertama diadakan di Putrajaya, pusat pentadbiran persekutuan yang baru dihuni tahun lepas.

-- BERNAMA

ARA RON